

0510

U 8379 AAB
MAHATHIR R R R

(I)

SUBANG, 21 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENASIHATI SEMUA PIHAK, KHUSUSNYA AKHBAR, SUPAYA MEMAINKAN PERANAN MEREKA BAGI MENJAMIN KEAMANAN DAN KESTABILAN DI NEGARA INI.

PERDANA MENTERI BERKATA ADALAH TANGGUNGJAWAB SETIAP ORANG MENGELAK DARIPADA MEMBUAT ATAU MENERBITKAN KENYATAAN YANG MENGHASUT.

BELIAU MENEGASKAN HAL INI KEPADA PEMBERITA DI LAPANGAN TERBANG ANTABANGSA SUBANG PETANG INI SEKEMBALINYA BELIAU DARIPADA MENGHADIRI PERSIDANGAN KETUA-KETUA NEGARA KOMANWEL DI VANCOUVER, KANADA.

APABILA DITANYA SAMA ADA BELIAU AKAN MENASIHATKAN PARA MENTERI KABINETNYA AGAR TIDAK LAGI MEMBUAT KENYATAAN SENSITIF, BELIAU BERKATA: +SAYA MENASIHATKAN SURAT KHABAR SUPAYA MEMAINKAN PERANAN MEREKA SECARA BERTANGGUNGJAWAB. JIKA KITA MAHUKAN KESTABILAN, KITA TIDAK HARUS BERSIFAT PROVOKATIF,+ KATANYA.

APABILA DITANYA LAGI SEKALI TENTANG SOALAN ITU MEMANDANGKAN KEADAAN POLITIK DALAM NEGARA SEKARANG, BELIAU BERKATA: +KAMI MENASIHATI SETIAP ORANG, TIDAK SETAKAT MENTERI.+ -- LAGI
1728MST 21 10 87

0511

U 8380 AAB
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR R R R

MENGENAI TERCETUSNYA KHABAR-KHABAR ANGIN KONONNYA RUSUHAN KAUM TELAH BERLAKU DI BANDARAYA BERIKUTAN PERISTIWA PENEMBAKAN DI CHOW KIT, BELIAU BERKATA RUPA BENTUK REAKSI ITU TIMBUL KERANA +SETIAP ORANG BERFIKIR KE ARAH ITU.+

BELIAU BERKATA KEJADIAN ITU TIDAK ADA KENA-MENGENA DENGAN MASALAH KAUM KERANA DAPAT DILIHAT BAHAWA MANGSA PENEMBAKAN ITU IALAH MELAYU DAN CINA. -- BERNAMA
1728MST 21 10 87